

Headline **Hanya 31 kes tahanan mati di penjara, sejak 10 tahun**
Date **19 Aug 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
5
53 cm²
Full Color
2,335
7,005



Hanya 31 kes tahanan mati di penjara, sejak 10 tahun

PUTRAJAYA: Jabatan Penjara hanya merekodkan 31 kes kematian di penjara dan pusat tahanan di seluruh negara dalam tempoh 10 tahun lalu kebanyakannya membabitkan pesakit HIV/AIDS atau membunuh diri.

Timbalan Pengarah Keselamatan Jabatan Penjara, Penguasa Kanan Komisioner Supri Hashim, berkata pada masa ini ada 1,500 banduan sedang menjalani hukuman di penjara terdiri daripada penghidap dan pembawa HIV/AIDS.

Beliau berkata demikian ketika memberi taklimat kepada media mengenai rampasan senjata berbahaya yang direka sendiri oleh banduan dan bahan larangan yang cuba diseludup oleh ahli keluarga tahanan di sini, semalam.